



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
HARI HABITAT SEDUNIA TAHUN 2017, HARI PERANCANGAN
BANDAR SEDUNIA 2017 DAN MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH
PELANTIKAN JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK
NEGERI JOHOR**

OLEH:

**YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Yang saya muliakan, Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

YAB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin,
Menteri Besar Johor

YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique,
Timbalan Menteri, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad Bin Mentek,
Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana saya diberi kesempatan dan kekuatan untuk bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian dalam majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia dan Hari Perancangan Bandar Sedunia bagi tahun 2017. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih di atas jemputan untuk saya bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan pada majlis hari ini.

Hari Habitat Sedunia

2. Untuk makluman, Sambutan Hari Habitat Sedunia sebenarnya telah bermula sejak tahun 1986 lagi. Sambutan Hari Habitat Sedunia adalah satu sambutan peringkat global yang disambut oleh semua negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan membangunkan petempatan manusia yang selesa dan kondusif.

3. KPKT bertindak sebagai *National Focal Point* untuk menyelaraskan semua aktiviti berkaitan *United Nations Human Settlement Programme* atau UN-HABITAT di Malaysia. KPKT juga telah memainkan peranan sebagai *focal point* dalam hal-hal berkaitan petempatan manusia serta terlibat secara aktif dalam menghadiri mesyuarat *Governing Council* UN-HABITAT, menghadiri persidangan *World Urban Forum* dan menganjurkan program-program dan aktiviti sepanjang tahun untuk Sambutan Hari Habitat Sedunia.

4. Bagi sambutan Hari Habitat Sedunia pada tahun ini, tema yang diangkat adalah 'Housing at the Centre', jika diteliti dan diselidiki 'Housing at the Centre' adalah bermaksud 'Housing in Urban Centres' yang merujuk kepada isu-isu perumahan di kawasan bandar

iaitu termasuk menyediakan rumah yang berkualiti, lengkap dengan infrastruktur dan kemudahan sosial. Selain itu, di bawah tema ini juga, perkara yang perlu diberi perhatian adalah mengenai peluang untuk menjalankan aktiviti ekonomi dan pembangunan yang mampan.

5. Di negara ini, agenda perumahan merupakan sebahagian daripada agenda teras sosial negara bagi menjamin kesejahteraan rakyat. Agenda ini telah menjadi tunjang dalam hasrat Kerajaan menuju ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020 yang seterusnya bakal menjadi tahun permulaan dalam Transformasi Nasional atau TN50.

6. Kerajaan amat prihatin dan sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan selesa serta mampu disewa atau dibeli bagi memenuhi keperluan tempat kediaman semua golongan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Matlamatnya, tidak lain tidak bukan adalah untuk memperbaiki mutu kehidupan rakyat di setiap pelosok negara dan memastikan tiada seorang pun daripada rakyat negara ini tertinggal daripada menikmati kepesatan arus pembangunan negara.

7. Kerajaan juga sentiasa peka dengan keperluan rakyat dalam memastikan bekalan semua jenis rumah untuk rakyat mencukupi. Kerajaan telah menyasarkan pembinaan 1 juta rumah mampu milik (RMM) sehingga penghujung 2017. Pihak PR1MA akan membina sejumlah 500,000 unit rumah mampu milik manakala baki 500,000 unit rumah lagi akan dibina oleh agensi-agensi lain seperti JPN, SPNB dan Kerajaan Negeri serta pemaju-pemaju perumahan swasta.

Kemajuan penyampaian dipantau oleh Majlis Perumahan Negara dan target yang ditetapkan adalah dalam proses pencapaian.¹

8. Selain membina rumah baharu, masalah unit-unit rumah yang perlu dinaik taraf dan dibaiki juga ditangani oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) dengan memberi peruntukan dana RM500 juta. Sebanyak RM200 juta juga telah diperuntukkan untuk membaiki rumah nelayan di seluruh negara. Antara program yang dilaksanakan oleh KPKT adalah:

(i) Program Perumahan Rakyat (PPR)

Sejak tempoh RMKe-8 sehingga kini, Kerajaan telah membelanjakan RM6.076 billion bagi melaksanakan Program Perumahan Rakyat di seluruh negara yang melibatkan 118 projek siap yang telah memberi manfaat kepada 83,380 keluarga di seluruh negara. Kerajaan melalui KPKT akan terus menyediakan perumahan PPR pada masa hadapan, memandangkan projek PPR banyak membantu rakyat serta mempunyai nilai 'dekat di hati rakyat'.

(ii) Program Rumah Transit 1Malaysia (RT1M)

Program ini telah dilancarkan pada penghujung tahun 2014. Kewujudan RT1M ini menunjukkan sikap keperihatinan Kerajaan untuk menyediakan kemudahan

¹ Sehingga 31 Disember 2016, 20.7% daripada 1 juta RMM telah berjaya disiapkan, 21.7% sedang dalam pembinaan dan 41.3% sedang dalam perancangan.

tempat tinggal (rumah) sementara yang selesa kepada golongan belia yang telah berkahwin dengan kadar sewaan yang rendah iaitu RM250.00 sebulan. Antara lain kerajaan telah memilih lokasi di Pinggiran Bukit Jalil, Kuala Lumpur. RT1M akan diperluaskan di bandar-bandar besar lain di seluruh negara.

9. KPKT telah menawarkan bantuan bagi mendapatkan rumah pertama dan menawarkan pelbagai jenis bantuan seperti skim perumahan mampu milik bagi menangani kenaikan harga rumah seperti:

(i) **Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (Skim MyHome)**

YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Skim MyHome sebagai insentif atau galakan kepada pemaju swasta untuk bersama-sama dengan pihak Kerajaan dalam membina rumah-rumah mampu milik di seluruh negara. Skim ini mensasarkan golongan pertengahan yang berpendapatan isi rumah di antara RM3,000 sehingga RM6,000 sebulan. Sehingga 31 Oktober 2017, sebanyak 40 projek MyHome yang merangkumi pembinaan 9,338 unit rumah telah diluluskan. Daripada jumlah itu, sebanyak 1,564 pemohon Skim MyHome telah diluluskan dan menerima insentif keseluruhan berjumlah RM39 juta.

(ii) **Skim MyDeposit**

Skim ini merupakan satu insentif kerajaan bagi membantu golongan berpendapatan pertengahan (M40) memiliki rumah idaman di mana peruntukan sebanyak RM200 juta telah disediakan oleh Kerajaan sebagai sumbangan kepada pembeli rumah pertama untuk memiliki rumah mampu milik. Bantuan maksimum sehingga RM30,000 dan penerima bantuan dikenakan moratorium selama 10 tahun bagi tujuan pembayaran deposit. Sehingga 31 Oktober 2017, sebanyak 1,469 pemohon telah mendapat manfaat daripada skim ini dengan jumlah keseluruhan bayaran sebanyak RM39.4 juta.

(iii) Skim Pinjaman Perumahan (SPP)

Kerajaan telah mengkaji semula had maksimum pinjaman di bawah SPP, KPKT daripada RM45,000 kepada RM60,000. Di bawah skim ini, peminjam hanya dikenakan caj perkhidmatan 2% setahun dan jika prestasi pembayaran balik pinjaman adalah baik, KPKT akan menimbangkan pemulangan semula bayaran faedah yang dikenakan. Semenjak ia diperkenalkan pada tahun 1976, sebanyak 10,368 permohonan telah diluluskan.

10. KPKT dari semasa ke semasa sentiasa menambahbaik program-program perumahan yang dibangunkan untuk rakyat, terutamanya kepada golongan sasaran yang berpendapatan rendah dan sederhana. Usahasama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri turut giat dipertingkatkan bagi tujuan memastikan tren pembangunan perumahan di peringkat negeri termasuk isu-isu dasar yang timbul dapat difahami dan ditangani secara muafakat dan efektif. Inisiatif ini

termasuklah memperhalusi kadar harga rumah mampu milik bagi golongan B40 dan M40 sekaligus menetapkan jalan penyelesaiannya.

11. Kerajaan juga telah menetapkan bahawa pembangunan perumahan akan terus diberi penekanan untuk menyediakan perumahan yang mencukupi dengan persekitaran yang selamat, sihat dan sejahtera di samping kemudahan awam dan taman rekreasi yang lengkap. Justeru itu, Kerajaan sedang mengkaji semula Dasar Perumahan Negara 2 (DRN2) bagi tempoh 2018 sehingga 2022. Kajian menyeluruh terhadap Dasar sedia ada sedang dibuat meliputi Perancangan, Pembinaan, Pemilikan, Penyelenggaraan dan Sosioekonomi. Dasar Perumahan Negara bagi tempoh 2018-2022 ini bakal dilancarkan pada awal tahun 2018 nanti.

Hadirin dan hadirat sekalian,

12. Bersempena Sambutan Hari Habitat Sedunia tahun ini, sebanyak tiga (3) pertandingan yang telah dijalankan iaitu:

(i) Pertandingan Analisis Senario Habitat

Platform bagi belia di Malaysia iaitu para pelajar di peringkat sekolah menengah dan institut pengajian tinggi untuk menyumbangkan idea dan pandangan mereka melalui proses kajian ilmiah serta pemikiran secara kritikal bagi mencadangkan jalan penyelesaian kepada permasalahan yang dibangkitkan oleh panel pertandingan;

(ii) **Pertandingan *Photojournalism***

Pertandingan dengan tema yang berkaitan dengan Hari Habitat Sedunia setiap tahun dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia. Pertandingan ini adalah untuk memilih gambar dan penulisan yang paling bermakna serta mengandungi elemen-elemen yang berkaitan dengan tema yang diberikan dan gambar terbaik yang dipilih sebagai juara pertandingan akan dijadikan hiasan kulit muka hadapan bagi Majalah Habitat; dan

(iii) ***National Scroll of Honour Award***

Anugerah yang diberikan kepada individu dan organisasi yang telah memberi sumbangan terbesar dalam pembangunan penempatan manusia yang mampan. Anugerah ini adalah setaraf dengan *UN-Habitat Scroll of Honour Award* yang telah dilancarkan oleh pihak UN-Habitat pada tahun 1989 dan merupakan anugerah yang paling berprestij dalam kategori penempatan manusia di dunia.

Hari Perancangan Bandar Sedunia

Para hadirin-hadirat sekalian,

13. Tema Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia pada kali ini “**Merancang Bersama Komuniti (*Planning with the Community*)**”. Kerajaan telah meluluskan Rancangan Fizikal Negara 3 (RFN 3), Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN 2) dan Dasar

Perancangan Fizikal Desa Negara. Ketiga-tiga dokumen ini menjadi rujukan utama proses perancangan pembangunan negara dan ia juga menjadi bahan rujukan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam penyediaan Pelan Perspektif dan Rancangan Tempatan masing-masing.

14. Sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia pula, Kementerian akan memberi penghargaan kepada pihak yang **melaksana inisiatif hijau** yang terdiri daripada pihak berkuasa tempatan, atas usaha dan inisiatif mereka menyumbang kepada kemampanan bandar di Malaysia.

15. Dengan adanya inisiatif sebegini diharap akan menjadi contoh dan pendorong kepada pihak dan agensi lain dalam usaha mewujudkan dan mengekalkan ciri-ciri yang menyumbang kepada kehijauan dan kemampanan bandar.

16. Program-program publisiti dan penyertaan awam terutamanya semasa publisiti Draf Rancangan Pemajuan seperti Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Daerah merupakan peluang kepada komuniti untuk memberikan cadangan dan mengemukakan bantahan-bantahan. Usaha ini adalah untuk menggalakkan masyarakat bersama-sama terlibat dalam perancangan pembangunan masa depan kawasan mereka. Merancang Bersama Komuniti ini akan dapat menghasilkan pembangunan yang mencerminkan reputasi semua pihak khususnya penduduk tempatan.

17. Atas kepentingan ini, program yang dijalankan selama 2 hari ini akan mewujudkan platform untuk mengumpul idea dan pandangan daripada komuniti secara terbuka dalam usaha menambahbaik perancangan dan pembangunan perbandaran mereka.

Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk

18. Pada hari ini juga, akan diadakan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Negeri Johor. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada 2,935 orang Anggota JPP Negeri Johor yang telah dilantik bagi penggal kedua sesi 2017-2019. Pelantikan ini telah menjadikan Negeri Johor mencapai 79% keanggotaan JPP yang lengkap mengikut zon.

19. Saya sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selaku Pihak Berkuasa Melantik Anggota JPP amat berterima kasih atas kesediaan YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam usaha mengalas amanah yang telah dipertanggungjawabkan khususnya dalam membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

20. Oleh yang demikian, sukacita YBhg. Dato'/tuan/puan diingatkan perlu supaya lebih fokus dalam memainkan peranan sebagai Anggota JPP supaya tidak tersasar daripada matlamat asal tiga (3) objektif utama penubuhan JPP seperti berikut :

- (i) Menggalakkan penyertaan penduduk dalam program dan pembangunan kawasan setempat;

- (ii) Membantu menangani isu-isu kesejahteraan bandar dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan; dan
- (iii) Mewujudkan hubungan yang baik antara masyarakat di kawasan kejiranan setempat.

21. Selain itu, saya juga berharap agar YBhg. Dato'/tuan/puan selaku Anggota JPP yang dilantik dapat melengkapkan struktur JPP di zon masing-masing dengan segera supaya JPP dapat memainkan peranan serta fungsi dengan baik dan lancar.

22. Bagi memantapkan lagi peranan dan membantu JPP di Johor ini, KPKT telah menyalurkan Pemberian Peruntukan Khas KPKT berjumlah RM30,000 kepada setiap 20 Ahli Parlimen iaitu Segamat, Sekijang, Labis, Ledang, Muar, Parit Sulong, Ayer Hitam, Sri Gading, Simpang Renggam, Sembrong, Mersing, Tenggara, Kota Tinggi, Pengerang, Tebrau, Pasir Gudang, Johor Baharu, Pulai, Pontian dan Tanjong Piai. Peruntukan tersebut telah disalurkan pada 7 Mac 2017. Ia adalah bagi penganjuran program/aktiviti bersama JPP yang meliputi:

- (i) Aktiviti Gotong-Royong;
- (ii) Program Pendidikan;
- (iii) Program Pengurusan Sisa Pepejal; dan
- (iv) Program Ramah Mesra Bersama Masyarakat.

23. Sehubungan itu, saya berharap program-program tersebut dapat meninggalkan impak yang positif kepada rakyat serta memantapkan lagi peranan JPP dalam menwar-warkan program-program yang dikendalikan oleh Kerajaan kepada rakyat.

24. Sementara itu, bagi mempromosi JPP sebagai inisiatif Kerajaan untuk mewujudkan struktur formal di kawasan bandar, KPKT telah membina sebanyak 70 buah *Centre of Urban Wellbeing* (CUBE) bagi kegunaan JPP di seluruh negara. Bagi Negeri Johor sebanyak 15 CUBE telah diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM1.65 Juta. Saya berharap dengan pewujudan CUBE tersebut akan dapat memantapkan lagi peranan JPP di Negeri Johor dengan lebih cemerlang. Saya pasti kecemerlangan JPP akhirnya akan dapat memberi manfaat kepada rakyat secara langsung.

25. Selari dengan perkembangan semasa, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Mei 2017 telah bersetuju dengan cadangan pindaan had umur bagi pelantikan JPP dalam kawasan PBT daripada 65 tahun kepada 69 tahun. Pindaan had umur ini juga adalah selaras dengan had umur bagi pelantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP). Walau bagaimanapun, pindaan ini tidak akan mengurangkan penyertaan golongan belia dalam JPP. Ini kerana setiap JPP perlu memperuntukkan kuota sebanyak 20% kepada golongan belia.

26. Selain itu, Jemaah Menteri juga telah bersetuju memberi kuasa kepada YB Menteri KPKT untuk memberi pengecualian khas kepada Anggota JPP yang tidak memiliki kelayakan akademik Sijil Pelajaran

Malaysia. Justeru, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memutuskan bahawa tiada bayaran elaun bagi Pengerusi dan Setiausaha JPP yang tidak lengkap pelantikan keanggotaannya seramai 10 orang. Pembayaran elaun hanya dibuat selepas struktur JPP itu lengkap sepenuhnya.

Para hadirin-hadirat sekalian,

27. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia dan Hari Perancangan Bandar Sedunia bagi tahun 2017. Moga kerjasama yang terjalin ini dapat terus dieratkan lagi bagi memacu pembangunan negara serta mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan selaras dengan wawasan negara.

28. Dengan Lafaz ***Bismillahirrahmanirahim*** saya merasmikan Sambutan Hari Habitat Sedunia, Hari Perancangan Bandar Sedunia bagi tahun 2017 dan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan JPP Negeri Johor dengan rasminya.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.